

>> Jadikan komuniti **PPR** di seluruh negara sebagai kumpulan **sasaran**

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Ambil susu **rutin** harian

■ Nestle Malaysia lancar Kempen Keluarga Sihat dan Ceria

Petaling Jaya

Kekangan ekonomi yang dihadapi golongan berpendapatan rendah menyebabkan kebanyakan keluarga terpaksa mengabaikan amalan pemakanan harian sihat berikutan peningkatan kos sara hidup.

Prihatin terhadap nasib golongan terbabit mendorong syarikat Nestle Malaysia Bhd melaksanakan inisiatif melancarkan Kempen Keluarga Sihat dan Ceria bersama Nestle Everyday dengan menjadikan komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara sebagai kumpulan sasaran da-

lam program berkenaan.

Pengurus Eksekutif Perniagaan Nestle Malaysia Milks Ng Su Yen berkata, pelaksanaan kempen itu bukan saja mampu membantu golongan sasar terbabit mendapat keperluan nutrisi harian secukupnya, malah ia dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengambilan susu dan rutin pemakanan mereka.

"Kita sentiasa mencari kaedah berkesan untuk membekalkan khasiat kepada keluarga terutama dalam kala-



PENGARAH Komunikasi Nestle, Khoo Kar Khoon (kiri) bersama Ng merasmikan Kempen Keluarga Sihat dan Ceria bersama Nestle Everyday di Menara Surian, Mutiara Damansara, semalam.

ngan golongan pendapatan rendah melalui cara yang tidak membebankan mereka dari segi perbelanjaan isi rumah.

"Produk Nestle Everyday dengan Max Nutre adalah sesuai untuk seisi keluarga dan memenuhi keperluan nutrisi harian kerana ia membekalkan khasiat melalui pengambilan produk berkenaan yang kaya dengan vitamin C, B1, B2 dan zat besi," katanya. Selepas majlis perasmian Kempen Keluarga Sihat dan Ceria bersama Nestle Everyday, semalam.